

Muhyiddin Lakukan Lawatan Sehari Ke Perlis
Bernama
27 April, 2013

KANGAR, 27 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Perlis.

Muhyiddin yang diiringi isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, terus ke Dewan 2020, untuk merasmikan penutupan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2013, program anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk mendidik masyarakat mengenai pelaburan dan menggalakkan mereka terlibat secara aktif dalam industri unit amanah negara.

Ketibaan beliau disambut Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu dan Pengerusi PNB Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

MSAM yang berlangsung sejak 20 April lalu menerima kehadiran pengunjung mencecah 240,000 orang, melebihi sasaran 150,000 orang.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN), dijadual menghadiri dua program Pemimpin Bersama Rakyat iaitu di Bukit Keteri dan Simpang Empat pada sebelah petang untuk mendapatkan sokongan rakyat kepada BN pada pilihan raya umum ke-13, 5 Mei ini

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945546>